



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 1/2003**

TARIKH KELUARAN: 23 OGOS 2007



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 1/2003
Tarikh Keluaran: 23 Ogos 2007**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 1/2003
Tarikh Keluaran: 23 Ogos 2007**

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG DENGAN TAMBANG PERCUTIAN
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 1/2003**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan perubahan layanan cukai ke atas perkara-perkara berikut:-
 - a. manfaat makanan dan penginapan yang diperuntukkan oleh majikan kepada pekerja berhubung dengan tambang percutian dalam negeri - subsubperenggan 13(1)(b)(ii)(A), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967; dan
 - b. potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan ke atas tambang percutian dalam negeri yang diperuntukkan kepada pekerja - proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(f), ACP 1967.
2. **Manfaat makanan dan penginapan yang diperuntukkan berhubung dengan tambang percutian dalam negeri - subsubperenggan 13(1)(b)(ii)(A), ACP 1967**

Sebelum ini, manfaat yang diperuntukkan kepada pekerja dalam bentuk tambang percutian dalam negeri yang tidak melebihi tiga kali dalam mana-mana tahun kalendar tidak termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajiangnya. Amaun manfaat yang dikecualikan adalah terhad kepada kos tambang sahaja. Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2007, amaun manfaat tambang percutian dalam negeri yang dikecualikan diperluaskan untuk meliputi kos makanan dan penginapan yang diberi berhubung dengan manfaat tambang percutian dalam negeri. Pindaan ini diperuntukkan di bawah subsubperenggan 13(1)(b)(ii)(A), ACP 1967.

Contoh 1

Puan Ani layak menikmati manfaat tambang percutian tahunan dalam negeri sebanyak RM6,000 mengikut terma-terma penggajiangnya. Beliau melancong ke Kuching bersama suami dan tiga orang anaknya dalam bulan Februari 2007. Beliau menuntut kos tambang percutian, makanan dan penginapan berjumlah RM3,000 daripada majikannya.

Puan Ani dikecualikan cukai atas keseluruhan kos tambang percutian, makanan dan penginapan berjumlah RM3,000.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 1/2003
Tarikh Keluaran: 23 Ogos 2007**

3. Potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan ke atas tambang percutian dalam negeri - proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP 1967

3.1 Sebelum tahun taksiran 2007, apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan ke atas tambang percutian dalam negeri atau luar negara tidak layak diberi potongan oleh kerana perbelanjaan ini tidak dibenarkan secara khusus di bawah perenggan 39(1)(m), ACP 1967.

3.2 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2007, perbelanjaan tambang percutian yang dilakukan oleh majikan berkaitan dengan acara tahunan dalam Malaysia yang melibatkan majikan, pekerja dan ahli-ahli keluarga terdekat pekerja dikategorikan sebagai perbelanjaan keraian seperti dinyatakan dalam proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP 1967. Oleh itu, perbelanjaan ini dibenarkan potongan sepenuhnya mengikut proviso tersebut mulai tahun taksiran 2007.

Contoh 2

Meriah Sdn Bhd menganjurkan hari keluarga untuk pekerjaanya di Pulau Redang pada bulan November 2007. Jumlah kos penganjuran hari keluarga yang dilakukan oleh majikan ialah sebanyak RM60,000 yang terdiri daripada kos perjalanan sebanyak RM40,000 dan kos makanan dan penginapan sebanyak RM20,000.

Meriah Sdn Bhd dibenarkan potongan bagi kos perjalanan sebanyak RM40,000 di bawah proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP 1967. Kos makanan dan penginapan sebanyak RM20,000 yang dibelanjakan ke atas pekerjaanya dibenarkan potongan di bawah proviso (i) kepada perenggan 39(1)(l), ACP 1967.

4. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 1/2003 dan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2007.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri Malaysia**